



CABARAN KREATIF: Pertandingan Video Cerita Kecil “Teduh Rezeki Challenge”

TERMA & SYARAT

Cabaran Kreatif: Pertandingan Video Cerita Kecil ‘Teduh Rezeki Challenge’ (“**Cabaran**”) merupakan inisiatif kreatif anjuran Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR) bagi memberi ruang kepada pelajar untuk menzahirkan kreativiti melalui medium video pendek yang mengetengahkan kisah kecil dengan mesej besar tentang makna rezeki dan kebaikan zakat.

Dengan menyertai cabaran ini, peserta yang layak secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh ZAPAR berkenaan dengan cabaran ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua peserta.

1. Tempoh Cabaran

Cabaran ini bermula pada **01 November 2025 jam 12.00 tengah malam (00:00 MYT) dan akan tamat pada 14 Disember 2025 jam 11.59 malam (23:59 MYT)** (“Tempoh Cabaran”).

Sebarang penyertaan yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan diambil kira bagi cabaran ini.

2. Kelayakan

- a) Cabaran ini terbuka kepada semua **pelajar sekolah rendah/ menengah dan pengajian tinggi**. Bagi peserta di bawah umur, penyertaan hendaklah disertakan dengan kebenaran ibu bapa/penjaga atau pihak sekolah.
- b) Penyertaan boleh dibuat secara individu atau berkumpulan. Semua ahli kumpulan mestilah berada dalam kategori kelayakan yang sama.
- c) Setiap peserta atau kumpulan layak menghantar **lebih daripada satu penyertaan** sepanjang tempoh cabaran.
- d) Video mestilah idea asal dan belum pernah diterbitkan, disiarkan atau dipertandingkan.
- e) Setiap jalan cerita, watak dan situasi yang dipaparkan adalah rekaan atau adaptasi umum bagi tujuan penceritaan semata-mata.

3. Mekanisma dan Cara Penyertaan

- a) Peserta perlu menghasilkan sebuah **video berdurasi antara 30 saat hingga 2 minit** dalam **format potret (9:16)** berdasarkan tema rasmi cabaran, “Rezeki Untuk Dihidupkan, Bukan Disimpan.”



- b) Konsep penceritaan video mestilah menampilkan kisah kecil dengan mesej besar tentang makna rezeki dan kebaikan zakat, berinspirasi salah satu daripada elemen berikut:
- Kemiskinan dan perjuangan hidup.
 - Semangat berkongsi rezeki dan kekayaan.
 - Perubahan hidup daripada susah kepada senang.
 - Usaha membantu mereka yang memerlukan.
- c) Gaya persembahan adalah terbuka. Peserta bebas memilih bentuk persembahan seperti drama pendek, monolog, dokumentari mini atau video kreatif gaya TikTok, asalkan mesej dan nilai zakat disampaikan dengan jelas, positif atau menyentuh hati.
- d) Peserta hendaklah memuat naik video penyertaan ke akaun media sosial rasmi milik sendiri (*Facebook*). Bagi peserta bawah umur, penyertaan boleh dimuat naik melalui akaun ibu bapa/penjaga atau akaun rasmi sekolah dengan kebenaran pihak berkenaan.
- e) Untuk tujuan rekod dan pengesahan rasmi penyertaan, peserta **mesti** menghantar satu salinan penuh video serta pautan video yang telah dimuat naik ke emel rasmi ZAPAR di **creativelab@zapar.com.my** berserta maklumat peribadi berikut:
- Nama Peserta: (Individu/ Kumpulan)
 - No. Telefon (yang boleh dihubungi):
 - Nama & Alamat Sekolah/ IPT:
- Bagi peserta bawah umur yang menggunakan akaun media sosial ibu bapa, penjaga atau pihak sekolah, maklumat penyertaan hendaklah disertakan bersama nama dan nombor telefon individu bertanggungjawab bagi tujuan pengesahan.*
- f) Kedua-dua tindakan memuat naik video dan menghantar emel hendaklah diselesaikan sebelum atau pada **14 Disember 2025 (23:59 MYT)**. Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan diterima atau dipertimbangkan.
- g) Peserta **mesti** menandakan (**tag**) akaun rasmi **@ZakatPerakAIRidzuan** dan menggunakan **hashtag rasmi** berikut dalam hantaran media sosial penyertaan bagi tujuan pengesahan dan pemantauan rasmi oleh pihak ZAPAR:
- #videozakat
#ceritakecil
#TeduhRezeki
#ZakatPerakAIRidzuan

4. Hadiah

Hadiah yang disediakan bagi cabaran ini berbentuk wang tunai dan sijil penghargaan/penyertaan dengan nilai seperti berikut:

Tempat	Peringkat	
	Sekolah	Pengajian Tinggi
Tempat Pertama	RM800.00 x 1 orang	RM1,000.00 x 1 orang
Tempat Kedua	RM600.00 x 1 orang	RM800.00 x 1 orang
Tempat Ketiga	RM400.00 x 1 orang	RM500.00 x 1 orang
Tempat Keempat	RM200.00 x 1 orang	RM250.00 x 1 orang
Tempat Kelima – Kesepuluh	RM100.00 x 5 orang	RM100.00 x 5 orang
Sohor Kini / Viral	RM500.00 x 1 orang	

- ZAPAR berhak menukar hadiah wang tunai kepada hadiah bukan tunai dengan nilai setara. Hadiah bukan tunai tidak boleh dipindah milik, ditebus atau ditukar dengan wang tunai (untuk hadiah bukan tunai), atau ditukar dengan barangan lain sama ada sebahagian atau keseluruhannya.
- Semua hadiah dan nilai yang telah dinyatakan adalah benar semasa percetakan dan/atau penerbitan. Imej hadiah yang dipaparkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan pengiklanan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada hadiah sebenar yang diterima.
- Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ZAPAR tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang isu berkaitan hadiah termasuk rupa bentuk, fungsi, atau nilai hadiah, kecuali jika ia berpunca daripada kecuaiian teruk atau perbuatan sengaja oleh ZAPAR.

5. Penilaian & Penyampaian Hadiah Pemenang

- Setiap penyertaan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
 - Keaslian idea dan jalan cerita
 - Keberkesanan penyampaian mesej zakat
 - Kualiti video dan kreativiti penyuntingan
 - Daya emosi dan impak inspirasi terhadap penonton
- Proses penilaian akan dijalankan oleh panel juri yang dilantik oleh Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR) dan penilaian dibuat secara menyeluruh berdasarkan kreativiti dan kesesuaian dengan tema cabaran serta keupayaan menyampaikan mesej zakat secara positif dan berkesan.



- c) Keputusan akhir yang ditentukan oleh panel juri akan menjadi rujukan muktamad dalam penentuan pemenang dan tertakluk sepenuhnya kepada kriteria kelayakan, kreativiti serta pematuhan terhadap terma dan syarat cabaran yang ditetapkan oleh ZAPAR.
- d) Pemenang yang terpilih akan dimaklumkan melalui panggilan telefon, mesej WhatsApp, SMS, e-mel, laman sesawang rasmi, media sosial ZAPAR, atau mana-mana saluran komunikasi lain yang ditetapkan untuk pengesahan maklumat dan penyampaian hadiah.
- e) Sekiranya pemenang gagal dihubungi, tidak menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan, menarik diri, atau hilang kelayakan atas apa jua sebab, kemenangan mereka akan dibatalkan dan ZAPAR berhak memilih peserta lain yang memenuhi syarat berdasarkan keputusan juri.
- f) Hadiah-hadiah akan diserahkan atau dihantar kepada pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas pengumuman pemenang dibuat.
- g) ZAPAR juga berhak meminta dokumen berkaitan atau bukti pengenalan bertulis daripada pemenang sebelum hadiah diserahkan.

6. Terma dan Syarat Am

- a) Peserta yang layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat Cabaran sebelum menyertai. Dengan menyertai cabaran ini, peserta dianggap bersetuju dan terikat dengan semua terma yang ditetapkan oleh ZAPAR. Melainkan dinyatakan sebaliknya, peserta tidak perlu menandatangani atau mengisi sebarang borang penyertaan tambahan.
- b) Peserta hendaklah memastikan maklumat peribadi mereka terkini, termasuk alamat semasa, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel yang sah bagi tujuan pemberitahuan dan pengesahan.
- c) ZAPAR tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang gagal diterima atau direkodkan akibat isu teknikal seperti gangguan capaian internet, ralat sistem, kesilapan data, atau sebarang masalah di luar kawalan ZAPAR.
- d) Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, ZAPAR akan memastikan segala data peribadi peserta dilindungi dengan sewajarnya. Peserta bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh ZAPAR untuk:
 - i. Tujuan pelaksanaan, pengurusan, promosi dan pemasaran cabaran; dan
 - ii. Penerbitan atau paparan nama dan/atau gambar peserta di dalam media pemasaran, laman sesawang atau platform rasmi ZAPAR bagi tujuan publisiti cabaran, sekiranya berkenaan.



- e) Peserta atau ibu bapa/penjaga/pihak sekolah bagi peserta bawah umur memberi kebenaran penuh kepada ZAPAR untuk menilai, menyiarkan, menyunting, memaparkan atau menerbitkan video penyertaan bagi tujuan promosi, pendidikan, pemasaran dan hebahan awam yang berkaitan dengan kempen zakat.
- f) Hak cipta asal video kekal milik peserta. Walau bagaimanapun, ZAPAR mempunyai hak penggunaan bukan eksklusif ke atas bahan tersebut bagi tujuan promosi dan penerbitan tanpa sebarang tuntutan bayaran tambahan daripada peserta.
- g) Semua kos yang berkaitan dengan rakaman, penyuntingan, dan penghantaran video penyertaan adalah sepenuhnya tanggungjawab peserta.
- h) ZAPAR tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti cukai, bayaran, atau pemfailan cukai yang mungkin timbul berikutan penerimaan atau penggunaan hadiah. Segala tanggungjawab berkaitan perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab pemenang sepenuhnya dan pemenang digalakkan mendapatkan nasihat cukai profesional sekiranya perlu.
- i) Hadiah-hadiah dalam cabaran ini diberikan “seadanya” (“as is”) dan tidak termasuk sebarang kos lain yang mungkin timbul. ZAPAR tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang isu berkaitan nilai atau penyampaian hadiah kecuali dinyatakan sebaliknya dalam terma dan syarat ini.
- j) Sekiranya mana-mana hadiah yang ditawarkan tidak dapat disediakan atas sebab tertentu, ZAPAR berhak menggantikannya dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara. Sebarang penggantian hadiah akan dimaklumkan sekurang-kurangnya 14 hari lebih awal melalui saluran rasmi seperti emel, mesej bertulis, media sosial atau laman sesawang rasmi ZAPAR.
- k) Pemenang mungkin akan dijemput menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) pada lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Segala perbelanjaan untuk menghadiri majlis tersebut adalah tanggungjawab sepenuhnya pemenang.
- l) ZAPAR serta mana-mana pegawai, kakitangan dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang;
 - (i) kesilapan fakta, kecederaan, kehilangan nyawa atau kerugian harta benda yang timbul daripada penyertaan atau penerimaan hadiah cabaran ini;
 - (ii) kerugian, kerosakan, atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh peserta berhubung dengan penyertaan dalam cabaran, penggunaan hadiah, atau perjalanan untuk menebus hadiah; dan
 - (iii) urusan di luar bidang dan kawalan ZAPAR dalam pentadbiran atau pemprosesan cabaran ini.



- m) ZAPAR berhak mengubah, melanjutkan atau menamatkan tempoh cabaran pada bila-bila masa dengan notis sewajarnya melalui laman sesawang rasmi, media sosial, atau saluran komunikasi lain. Peserta tidak berhak menuntut sebarang pampasan akibat pembatalan, penamatan, atau penggantungan cabaran. Peserta digalakkan menyemak laman sesawang rasmi ZAPAR dari semasa ke semasa untuk memastikan maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pindaan terma dan syarat cabaran.
- n) Peserta bertanggungjawab memastikan nombor telefon, alamat e-mel, dan alamat surat-menyurat mereka terkini. ZAPAR tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian akibat maklumat peserta yang tidak tepat atau tidak dikemaskini.
- o) Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran antara terma dan syarat cabaran ini dengan bahan pengiklanan atau promosi lain, terma dan syarat cabaran ini hendaklah diguna pakai.
- p) Peserta bersetuju bahawa semua keputusan ZAPAR berhubung pelaksanaan cabaran, termasuk pemilihan pemenang dan pemberian hadiah adalah muktamad, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Tiada surat-menyurat, rayuan, atau sebarang bentuk bantahan akan dilayan berkenaan keputusan tersebut.
- q) Semua terma dan syarat ini tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia, dan peserta bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, dan/atau maklum balas berkaitan dengan cabaran ini, peserta boleh menghubungi talian rasmi **019-2294780/ 05-2558755** atau e-mel rasmi creativelab@zapar.com.my.